


m/s E31



Asid folik bagus untuk wanita



**FAKTA
MITOS**

MITOS: Asid folik hanya sesuai untuk wanita hamil.

FAKTA: Asid folik bukan hanya untuk wanita hamil, sebaliknya bagus untuk semua wanita. Wanita sebelum kahwin sangat digalakkan mengambil asid folik bagi tujuan kesuburan serta untuk janin (kandungan).

Pengambilan asid folik sebelum kahwin juga boleh mengelak masalah pembentukan tulang belakang serta kecacatan janin seperti sumbing.

Jawapan disediakan oleh Pakar Perubatan Hospital Columbia Asia, Dr Hanafiah Bashirun

lani kehidupan sihat dan tidak terjebak dengan aktiviti sosial; misalnya minum arak, merokok, memulakan aktiviti seksual pada usia terlalu muda, bertukar-tukar pasangan dan kurang mengambil berat penjagaan kebersihan alat sulit.

Dua jenis utama barah pangkal rahim:

Squamous cell carcinoma

- Barah pangkal rahim yang sering berlaku. Ia bermula dari dalam sel skuamus atau kulit seperti sel di pangkal rahim.

Adenocarcinoma

- Jenis barah pangkal rahim yang jarang berlaku. Ia bermula dari dalam sel glandular. Selain itu, barah pangkal rahim boleh dibahagikan kepada microinvasive atau invasive.

Tanda dan gejala

- Pendarahan ketika melakukan hubungan seks
- Pendarahan pada pertengahan bulan
- Pendarahan selepas menopause
- Keluar lendir berdarah yang busuk daripada faraj
- Sakit ketika melakukan hubungan seks

Wanita yang berisiko

- Mempunyai lebih daripada seorang pasangan
- Mula aktif hubungan seks sebelum usia 18 tahun
- Mengalami jangkitan kuman seperti sifilis, gonorea, chlamydia atau HIV
- Kurang daya tahan imun
- Merokok

Golongan berisiko

- Wanita yang pernah dijangkiti jenis HPV dan badan tidak mampu membersihkan virus berkenaan
- Berusia antara 35 hingga 55 tahun. Lebih separuh wanita yang didiagnosis menghidap penyakit ini



- Kebanyakan mereka terdedah kepada penyebab kanser HPV ketika masih remaja dan pada usia 20-an
- Lebih ramai wanita yang dijangkiti tidak pernah membuat ujian pap smear

Kepentingan ujian pap smear

- Kanser serviks sering terjadi dalam kalangan wanita di seluruh dunia. Ia boleh dicegah jika dikesan pada peringkat awal. Ujian pap smear adalah kaedah mudah mengesan perubahan sel bahagian rahim

Siapa memerlukan rawatan ini?

- Semua wanita berumur antara 20 hingga 65 tahun
- Wanita yang aktif atau pernah aktif dalam aktiviti seksual
- Wanita yang putus haid atau menopause

Berapa kerap ujian ini dilakukan?

- Ujian ini hendaklah dilakukan tiga tahun sekali

Bila masa terbaik untuk menjalani ujian ini?

- Ketika pertengahan pusingan haid atau 10 hari selepas kedatangan haid
- Bukan ketika datang haid